

LAPORAN PERKHEMAHAN PENTARAFAN PENGAKAP RAJA

Tarikh : 13 – 16 Mac 2009

Tempat : B.P House, Sembulan Kota Kinabalu

Peserta :

1. AK. MOHD SYAFIQ B AG MAHMUD
2. MUHD SAFUAN B TAHIR
3. MOHD AZWAN B DURANI
4. MOHD HELMY B MAHMUD
5. ABD HAFIZ B MUHAMMAD

(Hari Pertama)

13 Mac 2009

Mula bergerak pada pukul 11:00 pagi dengan menaiki van sekolah yang dipandu oleh pengganti 'driver' Pak Cik Rozan dengan disertai 5 orang peserta. Setelah mengambil makanan yang disediakan dari dewan makan, van mula dipandu dan tiba di masjid negeri tepat pukul 12:30 tengah hari. Selesai solat Jumaat, peserta melapor diri di Rumah BP. Setiap seorang peserta akan diuji untuk ujian kelayakan. Keseluruhan peserta ialah 38 orang iaitu daripada Daerah Membakut, Papar, Tenom, Kudat, dan Keningau. Ujian kelayakan selesai sekitar 3:30 petang dan disambung dengan beberapa ceramah.

Selesai dibahagikan kepada 4 patrol, semua peserta diberi ruang untuk berkenal-kenalan. Sebelum waktu maghrib kami menjamu 'dinner' kami yang pertama. Kemudian, kami membangunkan khemah dan bersiap sedia untuk temu duga yang akan bermula pada pukul 8:30 malam. Setiap pekerjaan kami perlu 'be on time' menepati masa, itulah yang dipesan oleh penyelar program pada ceramah pengenalan petang tadi.

4 patrol yang telah dibahagikan telah disediakan seorang penemuduga bagi setiap patrol. Semua peralatan perlu dibawa ketika temuduga berlangsung, dan antara perkara yang ditanyakan kepada peserta adalah mengenai hal-hal peribadi dan tindakan terhadap sesuatu kejadian yang berlaku atau dilihat.

Peserta terakhir yang ditemuduga pada malam pertama ini berakhir pada pukul 3:30 pagi. Nyata sekali semua peserta berasa amat letih tetapi tetap perlu tabah kerana perjuangan baru saja bermula, dan ada 3 hari lagi yang perlu dihadapi.

(Hari Kedua)

14 Mac 2009

Keseluruhan peserta telah dikejutkan daripada tidur yang tak seberapa pada pukul 6:30 pagi. Semua peserta diminta untuk bersiap dengan pakaian sukan untuk senaman pagi pukul 7:00 pagi. Setelah selesai, peserta diminta bersiap dengan pakaian seragam lengkap untuk pemeriksaan pagi dan upacara istiadat pagi iaitu upacara menaikkan bendera.

Lebih kurang pukul 9:00 pagi, kami telah bersiap dengan kelengkapan mandi di dalam beg, kerana kami akan menerima ujian berenang pada hari ini seperti yang ditetapkan dalam jadual. Ujian ini akan diadakan di Kompleks Sukan Likas. Setelah tiba dan selesai berpakaian mandi, kami melakukan sedikit pemanasan badan. Antara ujian yang kami lalui adalah:

1. berenang sejauh 50 meter
2. mengapungkan diri

3. cara penerjunan yang betul
4. menyelam mendapatkan barang(jam) sedalam 1.8 meter

Kami selesai ujian berenang tepat pukul 1:30 petang dan kami terus bertolak balik tapak perkhemahan. Kami dibenarkan berehat sebelum menghadapi ujian pada pukul 3:30 petang, iaitu ujian kecemasan. Ujian kecemasan ini dijalankan dengan begitu lancar sekali. Antara ujian kecemasan yang kami hadapi adalah:

1. ujian peti kecemasan
2. ujian balutan dan anduh
3. ujian CPR
4. ujian mengendalikan mangsa ke atas pengusung

Selesai mandi kami diuji dengan ujian 'Backwoods' iaitu ujian masakan rimba dan masakan moden. Setiap yang dimasak perlu dimakan. Selesai sahaja, kami dibahagikan tugas untuk membuat satu gazet jambatan yang besar. Setelah selesai membuatnya, kesemua peserta diarahkan untuk naik dan mengambil gambar sebagai tanda kenangan dan ia merupakan pengalaman yang manis bagi kami.

Pada sebelah malam, sebelum dibenarkan tidur, kami diuji pula dengan ujian ikatan iaitu 'Wogel' dan 'Bushmentong'. Ujian ini merupakan ujian individu dan dinilai berdasarkan kepantasan masa dan kekemasan anyaman. Ujian ini tidak mengambil masa yang lama dan semua peserta telah dapat menyelesaikan ujian sebelum jam 12:00 tengah malam.

(Hari Ketiga)
15 Mac 2009

Seperti biasa semua peserta dikejutkan awal untuk bersenam, pemeriksaan pagi, istiadat pagi dan juga untuk bersarapan pagi. Pada hari ini terdapat peserta yang pengsan dan ada pula yang sakit perut kerana tidak sempat bersarapan. Pada hari ini kami diberi sedikit ruang untuk membuat gazet bagi mencantikkan lagi kawasan khemah kami. Selain itu gazet ini juga amat penting kerana ia dikira dalam pemarkahan kumpulan dan akan memberi kesan kepada pemarkahan keseluruhan setiap individu.

Selesai solat Zohor dan makan tengah hari, kami pun memulakan ujian 'Anggaran Peta dan Kompas'. Ujian ini merupakan ujian individu. Ujian ini menguji kami tentang cara-cara untuk 'survive' di hutan sama ada untuk berkhemah apatah lagi jikalau tersesat. Dalam ujian ini juga termasuk ujian 'Harversack' iaitu ujian beg perkhemahan. Ujian ini telah selesai pada pukul 3:00 petang.

Pukul 3:30 petang pula kami diarahkan untuk berpakaian senaman kerana kami akan menghadapi ujian 'Halangan Komando'. Antara ujian halangan komando adalah:

1. melempar tali tepat pada sasaran
2. memanjat pokok dengan tali dan tangan
3. memasuki tayar tanpa menyentuh loceng di tepinya
4. berjalan di atas titian dan meredah lumpur

Selesai sahaja ujian ini, semua peserta berebut untuk mandi kerana seluruh badan dipenuhi dengan lumpur ditambah pula dengan krisis air yang kami hadapi, menambahkan kami semakin berebut. Selesai makan malam, kami mengadakan ujian malam kebudayaan yang mesti diikuti oleh semua peserta dan dalam kumpulan masing-masing. Setiap patrol perlu melakukan lakonan, nyanyian dan tarian dalam masa 10 minit yang diberikan. Malam ini merupakan antara malam yang tidak akan dilupakan.

Bermula pukul 10:30, setelah selesai ujian malam kebudayaan kami pun diberi ujian ikatan dengan 10 ikatan penting dalam pengembaraan. Selesai sahaja ujian 10 ikatan kami beralih kepada ujian 2 ikatan pemulihan yang penting. Kami dapat berehat awal pada malam ini kerana semua ujian dapat dihabiskan dengan cepat.

(Hari Keempat)
16 Mac 2009

Selesai solat subuh kami pun bersenam pagi untuk kali yang terakhir kerana hari ini merupakan hari yang akhir untuk ujian kami. Kami juga tetap ada pemeriksaan pagi dan gazet bagi setiap kumpulan telah diperiksa dan diberikan markah yang terakhir.

Selesai sahaja bersarapan, kami diarahkan untuk mengemaskan khemah dan membersihkan kawasan khemah. Selepas itu kami diarahkan untuk mengambil ujian bertulis yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu 'Ujian Bertulis Am' dan 'Ujian Bertulis Kecemasan'. Kami semua begitu bersemangat untuk menjawab ujian ini kerana ia tidaklah begitu susah dan juga kerana semangat untuk balik itu sudah berkobar-kobar.

Selepas itu, kami mengadakan raptai untuk majlis penutupan yang akan dirasmikan oleh Tuan Hj. Zaini Hj. Suntim. Dalam persmian tersebut kami diberikan sedikit motivasi dan semangat untuk terus berpengakap.

Apa yang menyeronokkan lagi pada hari ini ialah kami telah diberikan sijil penyertaan pengakap raja dan diberikan sebuah T-shirt percuma yang mempunyai lambing pengakap raja. Kami juga ada mengadakan sesi penggambaran beramai-ramai. Selesai menjamu makanan yang telah ditempah khas oleh pihak BP, kami wakil daripada Membakut pun mengundurkan diri setelah sudah mengucapkan terima kasih kepada pembimbing kami dan mengucapkan selamat tinggal kepada rakan-rakan pengakap yang lain.

Sekian,
Majulah dan Teruslah Berpengakap.

Disediakan oleh:

AGKU MOHD SYAFIQ BIN
Setiausaha
Persatuan Pengakap
SMK Agama Limauan